

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]
TARIKH :
SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha membasmi tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan-kawasan persekolahan kebangsaan. Adakah langkah-langkah ini telah dilaksanakan secara usaha sama dengan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasi masalah pembiakan Aedes di kawasan sekolah. Antara tindakan yang dilakukan adalah seperti berikut :-

1. Melaksanakan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes secara berkala di sekolah-sekolah yang terletak di kawasan berisiko denggi. Daripada Januari sehingga April 2016, Kementerian Kesihatan telah memeriksa sebanyak 7,623 buah sekolah dan sebanyak 152 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun sebanyak RM 76,000.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Bebas Denggi di Sekolah dan Program Doktor Muda. Pada masa ini jumlah sekolah yang aktif melaksanakan Program Bebas Denggi di Sekolah di seluruh negara adalah sebanyak 4,547 buah sekolah, Manakala Program Doktor Muda telah dilaksanakan di 2,591 buah sekolah dan bilangan pelajar yang dilantik sebagai Doktor Muda adalah seramai 65, 721 orang.

3. Di samping itu, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan juga telah bekerjasama dengan syarikat swasta iaitu Syarikat Sanofi Pasteur dalam melaksanakan Program *Dengue Patrol* yang melibatkan sebanyak 158 buah sekolah di seluruh negara sehingga tahun 2015.